

29 OCT 1997

Aids-Marina

AIDS: PERLU ADA PERKONGSIAN SAKSAMA ANTARA KERAJAAN DAN NGO

Oleh: Nur'ul Afida Kamaludin

MANILA, 29 Okt (Bernama) -- Presiden Majlis Aids Malaysia (MAC) Datuk Paduka Marina Mahathir berkata perkongsian yang saksama perlu wujud antara kerajaan Malaysia dan masyarakat awam terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memerangi HIV/Aids di Malaysia.

Katanya kedua-dua pihak tidak boleh berharap dapat menangani wabak itu tanpa bantuan pihak yang satu lagi.

"Perkongsian yang saksama itu adalah penting kerana kerajaan mempunyai sumber kewangan dan kakitangan pada tahap makro manakala NGO boleh menyediakan kepakaran dan sokongan kemasyarakatan," katanya pada simposium satelit di sini malam tadi.

Marina membentangkan kertas kerja bertajuk "Kerajaan dan HIV: Masalah Antara Kerajaan dan Masyarakat Awam" pada Simposium Satelit mengenai Kerajaan dan HIV anjuran Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) pada Kongres Antarabangsa Mengenai Aids di Asia dan Pasifik ke-4.

Perwakilan dari Kuala Lumpur dan New Delhi yang terdiri daripada para pegawai kerajaan dan NGO menyertai simposium lima hari itu menerusi kemudahan tele-persidangan.

Enam pembentang lain termasuk Hakim Michael Kirby dari Australia membentangkan kertas kerja mereka pada simposium itu yang bermatlamat untuk berkongsi idea dan mengadakan perbincangan mengenai pemerintahan dan HIV.

Marina yang juga Timbalan Presiden Persatuan Aids Asia dan Pasifik menegaskan kerjasama yang lebih positif dan membina antara kerajaan dan NGO akan memberi manfaat kepada semua jika beberapa pengajaran dipatuhi.

Antaranya ialah kerajaan dan NGO perlu memahami kepentingan saling bergantung dan menerima hakikat yang setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing, kedua-dua pihak harus menghormati kepakaran yang dimiliki masing-masing, menyediakan lebih banyak latihan mengenai HIV/Aids untuk para pegawai kerajaan dan NGO harus membuang budaya bergantung kewangan kepada kerajaan di samping bersikap lebih profesional dan efisien dalam pentadbiran mereka.

"NGO juga perlu menjelaskan kepada kerajaan yang kerja yang mereka lakukan adalah untuk berkhidmat kepada negara dan bukan kepada pihak-pihak lain. Sering terjadi kerana masalah keagamaan dan budaya, sesetengah kerja yang dibuat oleh NGO disalah anggap serta tidak dapat diterima dan ada kalanya menimbulkan syak terhadap agenda NGO itu," katanya.

Beliau sedar kerjasama antara kerajaan-persatuan awam walaupun sering menimbulkan syak adalah perlu dan boleh diperbaiki untuk memerangi penyakit itu. Setakat ini 23,000 orang di Malaysia menghidap penyakit itu.

"Jika kedua-dua pihak menerima bahawa kerjasama amat penting untuk mentadbirkan HIV/Aids di sesebuah negara, mereka harus bersama-sama memastikan hubungan mereka adalah positif dan membina untuk mencapai kejayaan mutlak dalam mencegah HIV daripada merebak di negara terbabit," katanya.

Marina berkata, MAC selaku payung yang menggabungkan 32 pertubuhan yang terbabit dalam bidang HIV/Aids, menghadapi masalah pada tahun pertama penubuhannya untuk menasihatkan kerajaan agar menyediakan program mendidik dan mencegah sebagai hak kepada mereka yang menghidap HIV/Aids dan juga orang miskin yang mudah terdedah kepada jangkitannya.

Terdahulu, Hakim Kirby menggesa ahli politik di Asia agar mengambil tindakan berani dan "tidak hanya bercakap sahaja" untuk melindungi hak

penghidap itu dan menambah mereka boleh berbuat demikian secara saling bekerjasama.

"Mereka perlu mewujudkan kerjasama melepasi sempadan untuk mempelajari dan bertukar-tukar kepakaran dan pengalaman dengan negara-negara yang lebih dahulu menghadapi kesan awal penyakit itu," katanya semasa membentangkan kertas kerja bertajuk "HIV-Kenapa Begitu Kritikal Kepada Kerajaan."

Kirby yang juga Presiden Suruhanjaya Pakar Undang-undang Antarabangsa yang berpusat di Geneva berkata, semua peringkat masyarakat perlu mempunyai tanggungjawab mendesak untuk "membantu (kerja) menyelamatkan nyawa daripada Aids). -- BERNAMA

NAK RHM NMO